

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

1. Senaraikan peratus pengangguran di Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga kini.
 - (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri menjadikan siswazah berdaya saing di pasaran kerja?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Data bilangan dan peratusan pengangguran di Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga 2023 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Antara usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam menjadikan siswazah yang berdaya saing di pasaran kerja dan mengurangkan bilangan pengangguran di Pulau Pinang adalah seperti berikut:
 - (i) Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya melalui *outreach* programme bersama institusi pengajian tinggi awam dan swasta bagi memberi kesedaran kepada para pelajar dan pencari kerja di Malaysia, khususnya di Pulau Pinang tentang peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di negeri ini;
 - (ii) Menubuhkan sekretariat kepada program subsidi latihan industri iaitu *Penang Internship Subsidy Program* (PISP) yang bertujuan sebagai salah satu peluang kepada pelajar di Malaysia dan seterusnya menarik bakat-bakat bagi mengikuti program latihan industri di syarikat-syarikat yang

berkelayakan untuk program ini dengan ditawarkan kadar elaun bulanan yang menarik;

- (iii) Menubuhkan sekretariat kepada program biasiswa '*Penang Future Foundation*' (PFF) yang merupakan program biasiswa yang dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada rakyat Malaysia yang majoritinya adalah anak Pulau Pinang yang cemerlang dan layak untuk melanjutkan pengajian mereka di Malaysia. Ini adalah salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hab bakat. Permohonan biasiswa PFF ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang layak tanpa mengira kaum, agama dan jantina. Walau bagaimanapun, keutamaan akan diberikan kepada belia yang cemerlang dan layak tertakluk kepada terma dan syarat. Setelah berjaya menamatkan pengajian sarjana yang ditaja, pemegang biasiswa dikehendaki bekerja di Pulau Pinang dalam organisasi pilihan mereka, sama ada di sektor awam atau swasta;
- (iv) Jangkauan kepada agensi-agensi pekerjaan lain secara proaktif bagi memahami peluang-peluang pekerjaan yang aktif untuk dipanjangkan perkongsiannya kepada pencari kerja melalui laman sesawang serta media sosial Facebook Pusat Career Assistance and Talent (CAT);
- (v) Kerjasama dengan NCIA dalam mempromosikan program-program yang memberi manfaat melalui saluran komunikasi sedia ada seperti laman sesawang InvestPenang, Pusat CAT serta menyalurkan inkuiri daripada golongan yang disasarkan terus kepada pihak yang berkaitan;
- (vi) Kerjasama dengan TalentCorp dalam mempromosikan program *MyNext*, *Career Comeback* dan sebagainya melalui Facebook Pusat CAT serta menyalurkan inkuiri daripada golongan yang disasarkan terus kepada pihak yang berkaitan bagi membantu mengisi kekosongan yang ada;
- (vii) Kerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial PERKESO dalam membantu pencari kerja melalui program-program yang ditawarkan oleh mereka (latihan, kaunseling, insentif kewangan & lain-lain);

- (viii) Kerajaan Negeri melalui *Penang Youth Development Corporation* (PYDC) telah membangunkan portal kerjaya “*We Want You*”. Portal kerjaya “*We Want You*” berfungsi sebagai sebuah laman sesawang yang menyediakan platform untuk golongan majikan mengiklankan peluang pekerjaan, latihan industri atau *internship* dan *freelancing* secara percuma buat golongan belia yang mencari pekerjaan;
- (ix) Pelaksanaan Program *Digital Coach Scheme* dan *Digital Promoter Scheme* yang bertujuan untuk memberi peluang pekerjaan separuh masa kepada golongan yang memerlukannya. *Digital Coach Scheme* merupakan program memberi pengetahuan kepada golongan yang kurang berkemahiran dalam penggunaan teknologi digital terutamanya warga emas dan penduduk desa. *Digital Promoter Scheme* pula merupakan program menggalakkan penggunaan *e-wallet* oleh pengguna dan peniaga dalam menyokong usaha transaksi tanpa tunai.

Dengan pelbagai pelan perancangan seperti yang dinyatakan di atas, peluang pekerjaan bagi industri-industri di Pulau Pinang secara langsung akan membuka peluang yang luas kepada warga Pulau Pinang bagi memenuhi kekosongan yang ditawarkan.

Bilangan Penganggur Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 - 2023

Berikut merupakan bilangan penganggur di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga 2023 mengikut kumpulan umur dan jantina:

Tahun	Kumpulan umur	Lelaki	Perempuan	Jumlah
2020	15-24	5,500	3,300	8,800
	25-34	2,800	2,200	5,000
	35-44	1,300	500	1,800
	45-54	800	400	1,200
	55-64	100	0	100
	Jumlah	10,500	6,400	16,900
2021	15-24	182,110	131,698	313,808
	25-34	131,459	103,435	234,894
	35-44	49,531	26,444	75,975
	45-54	33,559	15,172	48,731
	55-64	28,139	28,139	56,278
	Jumlah	424,798	304,888	729,686
2022	15-24	202,500	126,900	329,400
	25-34	129,000	103,000	232,000
	35-44	50,800	20,500	71,300
	45-54	29,200	24,300	53,500
	55-64	26,600	20,100	46,700
	Jumlah	438,100	294,800	732,900
2023	15-24	178,500	143,300	321,800
	25-34	77,800	79,600	157,400
	35-44	36,000	13,200	49,200
	45-54	27,800	16,100	43,900
	55-64	54,000	4,400	58,400
	Jumlah	374,100	256,600	630,700

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

2. Senaraikan bilangan rombongan perdagangan EXCO keluar negara pada sesi ini.
 - (a) Senaraikan lokasi, bilangan pegawai terlibat dan berapa nilai pelaburan yang dibawa masuk daripada hasil rombongan itu.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

2. Terdapat satu (1) rombongan perdagangan EXCO keluar negara yang diatur dan disertai oleh InvestPenang yang melibatkan Ketua Menteri atau Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) dari bulan Jun 2023 iaitu Misi Perdagangan Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Fujian, China pada 5 sehingga 9 September 2023.

Manakala, dua (2) lagi rombongan adalah berobjektifkan portfolio EXCO masing-masing yang bertujuan untuk meningkatkan kerjasama negara-negara yang dilawati.

- (a) Perincian pegawai terlibat dan hasil lawatan adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

SENARAI EXCO DAN NEGARA YANG DILAWATI BAGI TUJUAN PERDAGANGAN BERMULA OGOS 2023 SEHINGGA KINI

BIL.	NAMA PEGAWAI	NEGARA DILAWATI	NAMA DAN TARIKH PROGRAM	FAEDAH, PULANGAN DAN HASIL LAWATAN
1.	<ul style="list-style-type: none"> i. YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang; ii. YB Jason H'ng Mooi Lye, EXO MMK Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa; iii. Sr. Cheong Chee Hong, Setiausaha Bandaraya, MBPP 	China	Misi Perdagangan Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Fujian, China pada 5 sehingga 9 September 2023	Dengan menganjurkan misi ini, Kerajaan Pulau Pinang telah mengeratkan hubungan dengan pihak berkepentingan (agensi kerajaan dan sektor swasta) di kedua-dua daerah supaya saling mempermosikan pertukaran budaya, pelancongan, dan pembangunan industri.
2.	<ul style="list-style-type: none"> i. YB Fahmi Zainol, EXCO MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi; dan ii. Pegawai Khas Pejabat YB 	Republik Tatarstan	<i>15th International Economic Forum "Russia-Islamic World: KazanForum 2024"</i> (KazanForum 2024) di Kazan, dari 14 sehingga 19 Mei 2024	<ul style="list-style-type: none"> i. Meningkatkan imej Kerajaan Negeri Pulau Pinang di peringkat antarabangsa dengan menjadi speaker di sesi Russia-Malaysia Roundtable, di mana hanya seorang EXCO Pertanian yang telah dijemput iaitu dari Pulau Pinang; ii. Mendapatkan perkembangan terbaharu dalam bidang agroteknologi dan keterjaminan makanan

BIL.	NAMA PEGAWAI	NEGARA DILAWATI	NAMA DAN TARIKH PROGRAM	FAEDAH, PULANGAN DAN HASIL LAWATAN
				<p>selain meneroka peluang untuk menjalin kerjasama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan daerah-daerah dalam Persekutuan Rusia yang maju dalam bidang pertanian agar dapat membawa kemajuan dan manfaat kepada sektor pertanian, penternakan serta industri penghasilan makanan negeri Pulau Pinang;</p> <p>iii. Menjalinkan hubungan kerjasama yang lebih erat antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan pakar-pakar industri pertanian dan agromakanan dari Persekutuan Rusia dan juga negara asing yang lain bagi memastikan peluang perkongsian ilmu, kepakaran dan pengalaman dapat diperluas dan diperkukuhkan melalui platform KazanForum 2024;</p> <p>iv. Memberi peluang bagi mempertingkatkan hubungan diplomatik dan kerjasama dua hala</p>

BIL.	NAMA PEGAWAI	NEGARA DILAWATI	NAMA DAN TARIKH PROGRAM	FAEDAH, PULANGAN DAN HASIL LAWATAN
				<p>bersama Persekutuan Rusia serta negara lain yang menyertai KazanForum 2024;</p> <p>v. Menarik pelaburan untuk bidang agroteknologi Pulau Pinang dan menjalin kerjasama dua hala dari segi kepakaran ilmu atau teknologi untuk sektor pertanian; dan</p> <p>vi. Menjadikan hasil daripada lawatan kerja sebagai salah satu model rujukan untuk Negeri Pulau Pinang ke arah merangka sebuah dasar dan pelan tindakan peringkat negeri bagi bidang agroteknologi dan keterjaminan makanan.</p>
3.	<p>i. YB Rashidi bin Zinol Pengerusi EXCO MMK Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar;</p> <p>ii. 2 orang pegawai khas YB;</p>	Medan, Sumatera Utara, Indonesia	Lawatan kerja ke Medan, Indonesia khususnya ke Tapak Pekan Raya Sumatera Utara pada	Tiada sebarang nilai pelaburan yang berkaitan bagi lawatan kerja ini. Antara hasil dapatan lawatan kerja ke Tapak Pekan Raya Sumatera Utara (Medan Fair) dan urusan rasmi yang berkaitan adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA PEGAWAI	NEGARA DILAWATI	NAMA DAN TARIKH PROGRAM	FAEDAH, PULANGAN DAN HASIL LAWATAN
	iii. 4 orang pegawai Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN)		5 sehingga 7 Februari 2024	<ul style="list-style-type: none"> i. Meninjau keadaan semasa Pavilion Pulau Pinang di Tapak <i>Medan Fair</i> bagi penambahbaikan yang perlu dilaksanakan; ii. Menjalinkan hubungan kerjasama di antara pihak YB EXCO MMK Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar yang baharu bersama pihak Pemerintah Sumatera Utara melalui kunjungan hormat ke Pejabat Gubernur; dan iii. Memberi peluang kepada pihak YB EXCO MMK Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar untuk meneroka potensi pasaran besar di luar negara.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

3. Jelaskan mengenai program subsidi latihan industri Penang Internship Subsidy Programme (PISP) yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri.
- (a) Senaraikan program yang telah dilaksanakan sejak tahun 2020.
 - (b) Bagaimana cara permohonan tersebut dan siapa yang telah mendapat manfaat dari program ini?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. *Penang Internship Subsidy Programme* (PISP) telah dilancarkan dan dilaksanakan sejak tahun 2022 oleh Kerajaan Negeri melalui InvestPenang. Program ini bertujuan untuk menggalakkan pengambilan pelatih industri oleh Syarikat Liabiliti Berhad (LLC) dan Perusahaan Kecil Sederhana (SME) yang kurang berkemampuan dari segi kewangan dan penawaran program-program berkaitan, berbanding Syarikat Multinasional (MNC) yang mempunyai program latihan industri lebih berstruktur dan terancang.
- (a) Program ini menyumbang dalam menggalakkan kemasukan bakat-bakat ke negeri ini. PISP menawarkan subsidi elaun pelatih kepada LLC dan PKS di dalam sektor utama iaitu sektor pembuatan dan Perkhidmatan Perniagaan Global (*Global Business Services, GBS*). Subsidi elaun pelatih ini adalah untuk menggalakkan pengambilan pelajar Institut Pendidikan Tinggi (IPT) dari negeri-negeri lain sebagai pelatih industri syarikat tempatan di Pulau Pinang serta menarik minat bakat-bakat

mereka untuk terus mengembangkan kerjaya secara tetap di negeri ini setelah tamat pengajian.

- (b) Syarikat-syarikat yang berkelayakkan boleh memohon melalui laman sesawang www.penangcatcentre.my. Sejak pelancaran dan pelaksanaan PISP pada tahun 2022 di bawah Kempen '*My Penang, My Workplace*', program ini telah membawa impak positif kepada 35 buah syarikat yang telah mengambil bahagian dan memberi manfaat kepada 354 orang pelatih yang menjalani latihan amali di syarikat-syarikat yang terlibat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

4. Apakah fungsi dan peranan Majlis Industri Makanan dan Teknologi Pertanian Pulau Pinang yang ditubuhkan di bawah Invest Penang?
- (a) Senaraikan organisasi Majlis ini.
 - (b) Senaraikan aktiviti yang dilakukan dan berapakah peruntukan yang telah disalurkan kepada Majlis ini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Majlis Industri Makanan dan Teknologi Pertanian Pulau Pinang telah ditubuhkan untuk memberi nasihat dan advokasi kepada Kerajaan Negeri dalam mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan untuk pelaburan dalam industri pembuatan makanan, serta untuk membantu memaksimumkan daya saing industri dan untuk mengemudi perancangan, pembangunan, dan mempromosikan sektor ini di Negeri Pulau Pinang seperti berikut:
- (a) Menyediakan ruang kepada syarikat pembuatan dan pemprosesan makanan untuk meluaskan kepakaran dan rangkaian mereka, mempromosikan kedudukan Pulau Pinang sebagai peneraju dalam sektor pemprosesan pembuatan makanan dan teknologi pertanian dengan tumpuan mengembangkan sektor makanan negeri dalam pelaburan domestik dan asing serta import dan eksport berikutan

peningkatan penerimaan produk makanan Pulau Pinang/Malaysia di pasaran luar negara;

- (b) Memberi khidmat nasihat untuk memimpin di peringkat negeri dengan mengemas kini, merancang, menyelaraskan dan mempromosikan peluang pelaburan sedia ada dan baharu yang berkembang pesat dalam sektor pemprosesan dan pembuatan makanan serta menggalakkan pengembangan pelaburan oleh syarikat sedia ada;
- (c) Menjadi forum untuk kerjasama dan penglibatan antara agensi kerajaan (MIDA, MOA, dan HDC) dan pemain industri untuk membincangkan hala tuju strategik, cabaran dan inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan daya saing dan membangunkan ekosistem yang komprehensif di Pulau Pinang/Malaysia; dan
- (d) Memberikan sokongan dan bantuan khusus kepada pemain industri pembuatan dan pemprosesan makanan dalam menganjurkan program, dialog, seminar dan projek.
- (a) Organisasi ini tidak melibatkan Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan. Ia terdiri daripada:
 - (i) Dato' Loo Lee Lian, Pengerusi Majlis Industri Makanan dan Teknologi Pertanian Pulau Pinang dan Ketua Pegawai Eksekutif Invest-in-Penang Berhad;
 - (ii) Dato' Seri Lee Kah Choon, Pengerusi Federal Oats Mills Sdn. Bhd.;
 - (iii) Dato' Seri Lee Teong Li, Pengerusi Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) Pulau Pinang;
 - (iv) Dato' Ch'ng Huck Theng, Pengarah Eksekutif Ghee Hiang;
 - (v) Dato' S. Pitchaiappan, Pengarah Urusan Syarikat Kilang Rempaja Jaya Sakti Sdn. Bhd.;
 - (vi) Dato' Tan Heng Kheng, Pengarah Tropical Consolidated Corporation Sdn. Bhd.;
 - (vii) Ms. Kyllie Saw, Pengurus Bahagian Hal Ehwal Korporat Golden Fresh Sdn. Bhd.;

- (viii) Ms. Jean Ooi, Pengurus Besar Produk Makanan Enak Gembira Sdn. Bhd.;
 - (ix) Mr. Vincent Ong, Pengurus Operasi ViTrox AgriTech Sdn. Bhd.; dan
 - (x) Ms. Sheryl Leoa, Pengurus Pemasaran Enza Zaden.
- (b) Tiada peruntukan yang disalurkan kepada Majlis ini. Senarai aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

Tahun 2023

- (i) Tiga mesyuarat Ahli Jawatankuasa Majlis Industri Makanan dan Teknologi Pertanian Pulau Pinang telah diadakan pada tahun 2023.
- (ii) Penganjuran Seminar *FoodTech for a Sustainable Future* bersempena dengan PIHEC 2023.
- (iii) Penyertaan dalam Misi Pelaburan & Pemandaran Perniagaan di Medan, Indonesia bersempena dengan acara Medan Fair 2023 dengan menganjurkan seminar bertajuk *Unlocking Business Potential: Opportunities for Growth*.
- (iv) Pembentangan mengenai industri perikanan oleh Malaysian Fish Farmers Association Malaysia dan *cultivated meat* oleh Cell AgriTech.

Tahun 2024

- (i) Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Majlis Industri Makanan dan Teknologi Pertanian Pulau Pinang Bilangan 1 Tahun 2024.
- (ii) Penganjuran Persidangan *Smart Agriculture & Food Manufacturing: Cultivating a Sustainable Future*.
- (iii) Pelancaran Majlis Industri Makanan dan Teknologi Pertanian Pulau Pinang oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang.

- (iv) Lawatan ke Ladang Akuakultur Omega Direct Farm and Kilang Ocean Green Feed Mills.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

5. Apakah bentuk bantuan yang disalurkan dalam program Empower NCER sejak tahun 2020 sehingga kini?
- (a) Senaraikan program dan penerima manfaat daripada program yang dianjurkan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

5. Program Empower NCER Kemahiran & Keusahawanan yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) di setiap daerah di negeri Pulau Pinang telah memanfaatkan seramai 1,749 peserta sejak tahun 2020. Para peserta yang dipilih adalah dalam kalangan kumpulan B40 termasuk golongan wanita dan para belia dengan menawarkan pelbagai kursus keusahawanan dan kemahiran berasaskan *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) seperti barista, penyediaan makanan, pendawaian elektrik, pengendalian jentera berat, fotografi dan suntingan & terapi & spa.

Setelah tamat program latihan, para peserta akan diberikan kit permulaan perniagaan yang bersesuaian bagi membolehkan mereka menjana dan meningkatkan pendapatan secara mampan. Antara kit yang diberikan adalah mesin membuat kopi, set videografi dan “tool kit” bagi pembaikan telefon bimbit. Para peserta juga dibekalkan dengan latihan kemahiran penggunaan platform digital untuk meningkatkan capaian pelanggan yang lebih luas di media sosial. Selain itu, program ini juga berjaya mendaftarkan sebanyak 721 perniagaan baharu melalui pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Tuntasnya, penglibatan seramai 1,513 (86%) para belia dan 1,176 (67%) golongan wanita membuktikan kejayaan program Empower NCER Kemahiran & Keusahawanan dalam kalangan komuniti tempatan. Ini dapat dilihat dengan perniagaan yang dijalankan oleh para peserta program ini telah berjaya mewujudkan sebanyak 430 peluang pekerjaan kepada komuniti setempat dan secara tidak langsung membantu meningkatkan sosioekonomi masyarakat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

6. Senaraikan pelaburan yang diperolehi Pulau Pinang pada tahun 2023 dan bilangan pekerja yang diperlukan.
- (a) Senaraikan bilangan pekerja asing dan tempatan yang mengisi kekosongan jawatan tersebut.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

6. Merujuk kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Malaysian Investment Development Authority, MIDA), pada tahun 2023, jumlah nilai pelaburan pembuatan yang diperolehi Pulau Pinang ialah RM63.4 bilion dan bilangan pekerja yang perlukan ialah 17,623 orang.
- (a) Berdasarkan data MIDA, jumlah pekerja tempatan dan asing adalah seperti di Jadual 1.

JADUAL 1: SENARAI JUMLAH PEKERJA MENGIKUT JENIS PEKERJAAN

JENIS PEKERJAAN	BILANGAN PEKERJA
Pengurusan	919
Profesional/ Teknikal dan Penyelia	2,232
Kemahiran Kraf	4,389
Pengendali, Pengumpul dan Pemasang Mesin dan Loji	8,758
Jualan, Kerani dan Lain-lain	518
Pekerja Asas	807
Jumlah Pekerjaan Potensi Keseluruhan	17,623

Sumber: MIDA

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XIX)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

7. Senaraikan kilang-kilang dan bilangan pekerja yang terdapat di setiap daerah di Pulau Pinang.
 - (a) Senaraikan nama kesatuan sekerja Pulau Pinang berserta nama pengerusi dan setiausaha.

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Pulau Pinang terkenal sebagai Lembah Silikon Timur yang mana sektor pembuatan dan perkhidmatan telah memacu pertumbuhan ekonomi negeri di samping mewujudkan pekerjaan dan membawa kemakmuran kepada penduduk Pulau Pinang. Sejak Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas dibuka pada awal tahun 1970an, Pulau Pinang telah menarik Syarikat Multinasional (MNC) seperti Intel, Keysight Technologies, Agilent Technologies, Robert Bosch, AMD, OSRAM, Opto Semiconductors, Renesas, Clarion, dan National Semiconductor. Umum mengetahui bahawa kini sebanyak 400 MNC dan lebih 6,000 Perusahaan Kecil Dan Sederhana (SME) telah berpangkalan dan sedang bergiat aktif di Negeri Pulau Pinang. Berdasarkan rekod sedia ada, lebih daripada 500 buah kilang dengan jenis perniagaan yang signifikan sedang berpangkalan di negeri ini namun tidak diperincikan bilangan pekerja termasuk pembahagian mengikut daerah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Senarai kesatuan sekerja Pulau Pinang berserta nama Pengerusi dan Setiausaha adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

SENARAI KILANG DAN JENIS PERNIAGAAN DI PULAU PINANG

BIL	NAMA SYARIKAT	JENIS PERNIAGAAN
1.	Apsonic Sdn. Bhd.	Membuat besi BRC
2.	Actiforce Mechatronics Technology (M) Sdn. Bhd.	Kilang membuat kejuruteraan logam, penyelidikan & pembangunan
3.	Actiforce Mechatronics Technology (M) Sdn. Bhd.	Kilang pemasangan kaki meja & pejabat
4.	Advance Solution Material Technology Sdn. Bhd.	Pemasangan alat mesin (<i>sandblast</i>)
5.	Ag Mechanical Solution Sdn. Bhd.	Perkilangan fabrikasi besi dalam bentuk komonan
6.	Alfa-Motion Technology (M) Sdn. Bhd.	<i>Automated machine manufacturing</i>
7.	Amphenol TCS (Malaysia) Sdn. Bhd.	Kilang membuat konektor
8.	Anglo Wax Industries Sdn. Bhd.	Membuat lilin
9.	Asia Agricultural Chemicals Sdn. Bhd.	Kilang baja tumbuhan
10.	Barkath Foods Sdn. Bhd.	Pemprosesan bahan makanan
11.	Bestworld Engineering Sdn. Bhd.	Membuat mesin proses makanan
12.	Bumblebee Eco Solutions Sdn. Bhd.	Kilang pembuatan dan penjualan barangan kertas <i>honeycomb</i>
13.	Carely Industries Sdn. Bhd.	Kilang membuat sarung tangan
14.	Cenad Art Sdn. Bhd.	Mencetak poster & pmma
15.	Century Surf Sdn. Bhd.	Membuat dan membentuk aluminium dan besi
16.	Chin Eng Precision Sdn. Bhd.	<i>Precision engineering</i> & kerja besi
17.	Chung Yih Steel Sdn. Bhd.	Kilang memproses barangan logam (bar)
18.	Chye Plastik Industri Sdn. Bhd.	Kilang membuat dan memproses barang plastik & P.V.C dan besi
19.	Cycle Trend Recycling Sdn. Bhd.	Kitar semula barang lusuh
20.	Daya Qurban Saintifik Sdn. Bhd.	Membuat perabot makmal sains
21.	Eagle & Pagoda Brand Teck Aun Medical Fac. Sdn. Bhd.	Kilang ubat dan farmasi
22.	Easy Pack Machinery Sdn. Bhd.	Membuat mesin pembungkusan
23.	EC Steel (M) Sdn. Bhd.	Membuat barang-barang <i>stainless steel</i>
24.	ECA Technology Sdn. Bhd.	Kerja-kerja kejuruteraan.
25.	Engtex Metals (Utara) Sdn. Bhd.	Kilang membuat besi BRC (<i>wire mesh</i>)
26.	EPE Packaging (Penang) Sdn. Bhd.	Pembungkusan
27.	Fairon Aluminium Sdn. Bhd.	Membuat produk aluminium

LAMPIRAN A

BIL	NAMA SYARIKAT	JENIS PERNIAGAAN
28.	Fishergold Food Industries Sdn. Bhd.	Pemprosesan dan pembekal makanan hasil laut
29.	GDT Sdn. Bhd.	Membuat komponen dan rekabentuk
30.	Great Master Marketing Sdn. Bhd.	Percetakan (<i>silk screening</i>)
31.	Idealon Sdn. Bhd.	Membuat pita pelekat dan bahan pembungkusan
32.	JCY HDD Technology Sdn. Bhd.	Elektronik
33.	JHT Design Sdn. Bhd.	Pembuatan dan pemprosesan bahan-bahan logam
34.	Jia In Sdn. Bhd.	Kilang percetakan
35.	Joo Hin Native Produce Sdn. Bhd.	Memproses kacang mentah
36.	Kamen Steel Industries Sdn. Bhd.	Kilang membuat produk besi keluli
37.	Kimia Zue Huat Sdn. Bhd.	Kilang pengurusan sisa berjadual
38.	KLS Martin Malaysia Sdn. Bhd.	Kilang membuat peralatan pembedahan perubatan
39.	Kumaran & Company Sdn. Bhd.	Kilang memproses minyak kitar semula, tong plastik & tong besi
40.	Labelpac & Print Sdn. Bhd.	Mencetak label dan <i>sticker</i>
41.	Long Seng Copper Waste Sdn. Bhd.	Kilang memproses barang buangan terjadual
42.	LTS Cold Storage Supplies (M) Sdn. Bhd.	Memproses makanan mentah
43.	Macphil Sdn. Bhd.	Kilang membuat konektor
44.	Malindo Metals Re-Cycle Sdn. Bhd.	Kilang kitar semula (bahan buangan)
45.	Mega Label (Penang) Sdn. Bhd.	Membuat label dan <i>sticker</i>
46.	Meitoku Toys (Malaysia) Sdn. Bhd.	Kilang membuat ' <i>foam mat</i> '
47.	Merry World Sdn. Bhd.	Memasang <i>vending machine</i>
48.	Minami Electronics Malaysia Sdn. Bhd.	Kilang elektronik
49.	MPT (M) Sdn. Bhd.	Memproses cat & <i>skimcoat</i>
50.	Mutiara Jingga Marketing	Pemprosesan produk kesihatan dan kecantikan
51.	Nanotronic (Malaysia) Sdn. Bhd.	Memproses minuman <i>sparkling</i>
52.	Netpoint Coating Sdn. Bhd.	<i>Metal finishing, coating & electroplating</i>
53.	NPC Technology Sdn. Bhd.	Membuat <i>metal finishing</i>
54.	Nurturelink Sdn. Bhd.	Mengilang, memasang peralatan telekomunikasi dan mesin
55.	Optotronic Technology Sdn. Bhd.	Membuat lampu <i>LED</i>
56.	Pensia Industries Sdn. Bhd.	Peralatan elektrik

BIL	NAMA SYARIKAT	JENIS PERNIAGAAN
57.	Preference Megacycle Sdn. Bhd.	Kitar semula (<i>metal contaminated with coolant</i>)
58.	Premier Cereal Sdn. Bhd.	Memproses campuran bijiran
59.	Q Plas Sdn. Bhd.	Kilang plastik dan pergudangan
60.	Richport Technology Sdn. Bhd.	<i>Electroplating</i>
61.	Rising Sun International Resource (M) Sdn. Bhd.	Memproses barang-barang plastik
62.	Roots Industri (M) Sdn. Bhd.	Memasang hon kereta
63.	Ruspert Eco Coating Technology (Malaysia) Sdn. Bhd.	Membuat skru
64.	Ruspert Eco Coating Technology (Malaysia) Sdn. Bhd.	Kilang <i>surface engineering</i>
65.	Scandinavian IBS Sdn. Bhd.	Kilang membuat bahan-bahan pembinaan bangunan berteknologi (IBS)
66.	Seoul Electronics & Telecommunication (M) Sdn. Bhd.	Kilang membuat <i>Transformer /Adaptor/Pcb Board</i>
67.	SF Metal Sdn. Bhd.	Kejuruteraan logam
68.	Sky Nutraceuticals Sdn. Bhd.	Membuat ubat makanan dan minuman kesihatan (<i>health supplement</i>)
69.	SLH Glass Resources	Kilang membuat barangan aluminium
70.	Tim Scranton Sdn. Bhd.	Kilang pencetakan <i>silkscreen & spraying</i>
71.	Titan Entity Sdn. Bhd.	Kilang membuat <i>leadframe, stamping & moulding</i>
72.	Titan Entity Sdn. Bhd.	<i>Metal stamping</i>
73.	TSG Automation Sdn. Bhd.	Pembuatan dan pemprosesan bahan-bahan logam
74.	Ulbrich Asia Metals (M) Sdn. Bhd.	Perusahaan logam
75.	Ultrax Engineering	Kejuruteraan mekanikal elektrik
76.	Universal Cleaning Chemicals Sdn. Bhd.	Kilang memproses pencucian bahan kimia
77.	UWC Electric (M) Sdn. Bhd.	Membuat peralatan keselamatan.
78.	UWC Lockset Sdn. Bhd.	Membuat alat-alat besi
79.	UWC Precision Engineering Sdn. Bhd.	Membuat barangan kejuruteraan precision
80.	UWC Resources (M) Sdn. Bhd.	Membuat alat-alat logam
81.	UWC Technology Sdn. Bhd.	Kejuruteraan besi
82.	Virtue Technology Sdn. Bhd.	Membuat <i>jig & fixtures</i>
83.	Waja Jaya Industries Sdn. Bhd.	Kitar semula (barang lusuh)
84.	Win-Hall Tech Sdn. Bhd.	Kejuruteraan besi

LAMPIRAN A

BIL	NAMA SYARIKAT	JENIS PERNIAGAAN
85.	Wire Master Spring Sdn. Bhd.	Kilang membuat spring
86.	YO Industry (M) Sdn. Bhd.	Membuat wayar kabel & memproses barang-barang lusoh (kabel besi, tembaga, logam dan lain-lain)
87.	A Sri Laksyaa Enterprise	Perusahaan kayu
88.	Ajiya Safety Glass Sdn. Bhd.	Kaca keselamatan
89.	AL Asia Chemical Industry Sdn. Bhd.	Kilang memproses makanan ikan
90.	Alam Aliran Kualiti (M) Sdn. Bhd.	Kitar semula bahan zing, aluminium, kupram dan besi
91.	Alive Universal Sdn. Bhd.	Membuat barangan plastik
92.	Alive Universal Sdn. Bhd.	Membuat barangan plastik
93.	Bio Dynamic Enterprise	Membuat beg plastik
94.	Boss Aerosystem Sdn. Bhd.	Kilang pengeluaran komponen kapal terbang
95.	Brc Industries Sdn. Bhd.	Membuat <i>wire mesh/wire netting</i> .
96.	Bridge Trading Sdn. Bhd.	Kilang membungkus minyak masak
97.	Butterworth Ice Cream Supply Sdn. Bhd.	Memproses, memborong & mengedat aiskrim
98.	CCB Medical Devices Sdn. Bhd.	Membuat alat-alat perubatan
99.	CFL Industries Sdn. Bhd.	Membuat penjuru kertas
100.	CFL Marketing Sdn. Bhd.	Membuat penjuru kertas
101.	CG Technology Sdn. Bhd.	Kilang kerja-kerja kejuruteraan besi
102.	Cinkoon Hardware Sdn. Bhd.	Kilang memasang paip dan membuat paiping
103.	CLM Conservation (Pg) Sdn. Bhd.	<i>Recovery waste</i> (enapcemar)
104.	Comet Recycle Sdn. Bhd.	Kilang kitar semula barang lusoh
105.	Dedi Dada Enterprise	Kilang memproses dan membungkus bahan makanan
106.	Dmit Technology Sdn. Bhd.	Membuat <i>jig</i> dan <i>fixture</i>
107.	Dufu Metal Sdn. Bhd.	Pengilangan bahagian kejuruteraan berketepatan tinggi
108.	Duramitt Sdn. Bhd.	Sarung tangan
109.	Easyplus Engineering Solution Sdn. Bhd.	Projek <i>engineering works</i>
110.	Eden Manufacturing Sdn. Bhd.	Membuat skru
111.	EDM Holdings Sdn. Bhd.	Kilang barangan logam
112.	Ee-Lian Plastic Industries (M) Sdn. Bhd.	Membuat barang plastik
113.	Eng Teknologi Sdn. Bhd.	<i>Metal stamping & casting</i>
114.	Fadhilat Urus Sdn. Bhd.	Percetakan
115.	Flextronics Technology (Penang) Sdn. Bhd.	Membuat barangan komputer / elektronik

BIL	NAMA SYARIKAT	JENIS PERNIAGAAN
116.	Foil Laminate Industries Sdn. Bhd.	Kilang membuat <i>foil</i>
117.	Fulian (M) Sdn. Bhd.	Membuat ubat gigi
118.	Furutec Electrical Sdn. Bhd.	Kilang memproses barangan elektrik
119.	Global Supreme Industries Sdn. Bhd.	Kilang bit pemutar skru
120.	Hanwa Steel Centre (M) Sdn. Bhd.	Kilang kejuruteraan besi dan keluli
121.	Hongrita Precision Component (M) Sdn. Bhd.	Kejuruteraan logam & plastik <i>injection moulding</i>
122.	HYC Furniture	Kilang membuat dan membekal perabot
123.	IIA Technologies Sdn. Bhd.	Kilang membuat <i>laboratory grown diamonds</i>
124.	Infinite Zest Industrial Sdn. Bhd.	Kilang membuat barangan plastik (<i>plastic injection</i>)
125.	IRM Industries (Penang) Sdn. Bhd.	Kilang kitar semula plastik, <i>ferous & non-ferous</i>
126.	Islah Diri Sdn. Bhd.	Kilang memproses makanan haiwan
127.	JM Recycling Sdn. Bhd.	Kilang memproses tembaga, aluminium, besi / barang lusuh
128.	Katantech Malaysia Sdn. Bhd.	Kilang membuat barangan kosmetik, biokimia dan kimia
129.	KH Industrial Supplies (M) Sdn. Bhd.	Membuat peralatan industri
130.	Koike (M) Sdn. Bhd.	Kilang membuat dan memasang komponen motosikal
131.	Kok Hin Beans Grinding Sdn. Bhd.	Memproses kacang mentah
132.	Komunajaya Sdn. Bhd.	Membina badan kenderaan / bengkel membaiki
133.	KS Plastic Sdn. Bhd.	Membuat beg plastik
134.	Le Nam Megasheet (M) Sdn. Bhd.	Membuat bumbung besi.
135.	Ling Metal Precision Sdn. Bhd.	Kerja-kerja metal <i>stamping</i> .
136.	Lum Tseng Engineering Sdn. Bhd.	Kilang membuat barangan <i>ductile & cast iron</i>
137.	MDS Advance Sdn. Bhd.	Kilang membuat komponen mesin
138.	Megwin Technology (M) Sdn. Bhd.	Kejuruteraan besi
139.	Metalcrest Technologies Sdn. Bhd.	Kilang melebur dan membuat barangan aluminium
140.	Micro Circuit Solution Sdn. Bhd.	Membuat produk elektronik
141.	Millennium Substrates Sdn. Bhd.	Pembuatan (<i>substrates</i> untuk <i>led</i>)
142.	Mykuali Manufacturing Sdn. Bhd.	Kilang memproses mee segera

LAMPIRAN A

BIL	NAMA SYARIKAT	JENIS PERNIAGAAN
143.	Nan Yang Plastic Industries Sdn. Bhd.	Memproses plastik kitar semula dan mengeluarkan resin
144.	Nicplas Sdn. Bhd.	Kilang membuat barang-barang plastik
145.	NMC Fishery Sdn. Bhd.	Kilang membungkus & memproses hasil laut
146.	Optotronic Semiconductors Sdn. Bhd.	Pemasangan lampu <i>led</i>
147.	Oriental Fastech Manufacturing Sdn. Bhd.	Kilang kejuruteraan mesin dan pembuatan komponen <i>stamping</i>
148.	Oriental Fastech Manufacturing Sdn. Bhd.	<i>Fabrication of precision turning & metal stamping part.</i>
149.	Panfast Marketing (M) Sdn. Bhd.	Kilang mencampur ubat, vitamin dan <i>additif</i> makanan ternakan
150.	Peng Yuan Milling Enterprise	Kerja-kerja kejuruteraan
151.	Penternakan Hasbin Jaya Sdn. Bhd.	Membuat makanan haiwan
152.	Polyplas Sdn.Bhd.	Kilang proses mengecat
153.	Premierpath Sdn. Bhd.	Membuat cat & coating
154.	Pro Turbofy Sdn. Bhd.	Pengeluaran komponen kapal terbang
155.	Promooi Plastic Industries Sdn. Bhd.	Kilang memproses plastik (<i>plastic injection moulding</i>)
156.	Quicksign Sdn. Bhd.	Pengiklanan dan dekorasi dalaman
157.	Rafreq Maschinenbau Sdn. Bhd.	Merekabentuk, memasang mesin dan komponen
158.	Rapid Growth Technology Sdn. Bhd.	Kilang pengeluar alat penyegar udara
159.	Rinda Food Industries Sdn. Bhd.	Membuat makanan ringan.
160.	Schlosspack Sdn. Bhd.	<i>Automated food packaging machinery & related parts</i>
161.	Shinco Technologies Engineering	Membuat acuan besi
162.	Sieh Chern Trading Sdn. Bhd.	Mencetak dan menjilid buku
163.	Simpletag Manufacturing Sdn. Bhd.	Percetakkan
164.	Simpletag Manufacturing Sdn. Bhd.	Mencetak lambang
165.	Straits Orthopaedics (MFG) Sdn. Bhd.	Mengilang peralatan perubatan
166.	Sunny Jaya Plastic Industries Sdn. Bhd.	Kilang memproses plastik kitar semula
167.	Swissgarden Confectionery Sdn. Bhd.	Kilang membuat coklat dan makanan
168.	Syarikat Kilang Rempa Jaya Sakti Sdn. Bhd.	Pengilangan serbuk kari
169.	Symphonic Packaging Sdn. Bhd.	Kilang beg plastik

LAMPIRAN A

BIL	NAMA SYARIKAT	JENIS PERNIAGAAN
170.	Tanjong Paint Sdn. Bhd.	Membuat cat
171.	TBL Industrial Supply Sdn. Bhd.	Kerja fabrikasi
172.	Telestructure Industries Sdn. Bhd.	Membuat kerangka telekomunikasi
173.	Thean Hwa Resources (M) Sdn. Bhd.	Membuat komponen mesin
174.	Thouan Chemical Sdn. Bhd.	Membuat chemical.
175.	Uda Materials Sdn. Bhd.	Memproses barang-barang plastik
176.	Ultimaxx Hr Solutions Sdn. Bhd.	Kilang membuat alat-alat logam
177.	Uni Mewah Pack Sdn. Bhd.	Percetakan & pembungkusan
178.	Uniformwork Technology Sdn. Bhd.	Membuat rangka besi (<i>metal folding</i>)
179.	UWC Holdings Sdn. Bhd.	Membuat alat alat besi dan peralatan perubatan
180.	UWC Industrial Sdn. Bhd.	Membuat komponen besi
181.	Vamptech Malaysia Sdn. Bhd.	Kilang pengeluaran, import dan eksport & pemasangan semua jenis <i>polymers thermoplastics</i>
182.	Veolia Water Technologies Sdn. Bhd.	Menjual dan membaiki alat penapis air
183.	Wei Engineering Sdn. Bhd.	Kejuruteraan aluminium and kaca
184.	Welworth Designs Sdn. Bhd.	Membuat tirai kayu.
185.	Wentin Enterprise	Memproses dan mengkitar semula barang lusuh
186.	Win Men Biotech Sdn. Bhd.	Kilang memproses makanan haiwan
187.	Winning Strike Sdn. Bhd.	Membuat <i>metal stamping & heat sink</i>
188.	WPC Coatings Sdn. Bhd.	Kilang memproses cat
189.	Xun Ta Feed Sdn. Bhd.	Membuat makanan binatang
190.	Ybs Foods Corporation Sdn. Bhd.	Pemprosesan pes makanan, <i>instant noodle, cup & bowl noodle</i>
191.	Zen On Industries Sdn. Bhd.	Percetakan
192.	Zhonghua Southern Pharma Sdn. Bhd.	Kilang membuat produk herba
193.	Agya Engineering	Kejuruteraan besi
194.	Alam Aliran Kualiti (M) Sdn. Bhd.	Membaiki dan mengecat tong besi (drum)
195.	Amlex Technology Sdn. Bhd.	Mengilang lead frame dan kejuruteraan logam
196.	Amphenol Tcs (Malaysia) Sdn Bhd	<i>Metal stamping and plating</i>
197.	Assab Steels (M) Sdn. Bhd.	Kejuruteraan besi
198.	Atotech (Malaysia) Sdn. Bhd.	Kilang bahan kimia
199.	Aviatron (M) Sdn. Bhd.	Membuat struktur kapal terbang
200.	Awan Packaging Sdn. Bhd.	Membuat bahan pembungkusan (<i>foam</i>)

LAMPIRAN A

BIL	NAMA SYARIKAT	JENIS PERNIAGAAN
201.	Bumi Best Enterprise	Kilang memproses mee sanggul
202.	Century Surf Sdn. Bhd.	Kitar semula barang lusuh
203.	Chemlite Industries Sdn. Bhd.	Kilang memproses elektroplating
204.	Cs Plaster Ceiling Sdn. Bhd.	Membuat <i>plaster siling</i>
205.	Cycle Trend Industries Sdn. Bhd.	Kilang barangan kitar semula dan barang lusuh
206.	Deprofile Sdn. Bhd.	Membuat barang-barang <i>fibre glass</i>
207.	Dufusion Sdn. Bhd.	Kilang membuat barangan besi
208.	Eca Advanced Solutions Sdn. Bhd.	Memproses barangan elektrik dan elektronik
209.	Eco High Formwork Sdn. Bhd.	Kilang kejuruteraan besi (membuat bahan-bahan pembinaan bangunan)
210.	Emxis Argroscience Sdn. Bhd.	Membuat racun rumpai racun serangga dan baja
211.	Enza Zaden Asia Holding Sdn. Bhd.	Kilang biji benih
212.	Essential Static Coating Sdn. Bhd.	Membuat <i>powder coating</i>
213.	First Converting (M) Sdn. Bhd.	<i>Converting</i>
214.	Firstmed (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pembuatan pelitup muka
215.	Fresh And Tasty Sdn. Bhd.	Kilang membuat makanan
216.	Gaban Spice Manufacturing (M) Sdn. Bhd.	Membuat rempah ratus
217.	Ginza Engineering Sdn. Bhd.	Membuat acuan besi (<i>metal stamping</i>)
218.	Grand Venture Technology Sdn. Bhd.	Kilang membuat komponen mesin
219.	H & T Industries (Pg) Sdn. Bhd.	Kilang <i>surface metal finishing</i>
220.	High Ace Industries Sdn. Bhd.	Kilang pemasangan barangan dan komponen elektrik
221.	High Ace Industries Sdn. Bhd.	Membuat <i>metal stamping & elektrik</i>
222.	Hittech Wemac Sdn. Bhd.	Kilang kerja-kerja kejuruteraan
223.	Hung Thong Food Technology Sdn. Bhd.	Kilang memproses perisa makanan
224.	Indriya Technology Sdn. Bhd.	Membuat acuan besi
225.	Intergrated Cold Chain Logistics Sdn. Bhd.	Memproses makanan mentah
226.	Juji Technology (M) Sdn. Bhd.	Kilang memproses plastik (<i>plastic injection moulding</i>)
227.	K.H. Metal Linkage (M) Sdn. Bhd.	Membuat komponen enjin

LAMPIRAN A

BIL	NAMA SYARIKAT	JENIS PERNIAGAAN
228.	Kaltech Sdn. Bhd.	Kilang membuat barangan elektrik dan elektronik
229.	Kami Farming Sdn. Bhd.	Membuat makanan binatang
230.	Karel Manufacturing (M) Sdn. Bhd.	Membuat,memasang elektromekanikal dan fabrikasi
231.	Kellyfresh Food Manufacturing Sdn. Bhd.	Kilang membuat makanan
232.	Kij Ultra Supreme Filtration Sdn. Bhd.	Kilang membekal perkhidmatan menyimpan bahan plastik, rawatan air dan pam
233.	Kitaran Potensi Sdn. Bhd.	Membuat kotak perangkap minyak (<i>grease trap</i>)
234.	Leong G Sdn. Bhd.	Kilang kerja-kerja <i>wire cut</i>
235.	Liang Teik Trading Co. Sdn. Bhd.	Kilang membuat makanan haiwan
236.	Lintec Industries (Malaysia) Sdn. Bhd.	<i>Polyester films.</i>
237.	Mag-Mold Engineering	Membuat acuan besi
238.	Malek Bin Abu Othman	Memproses kopi
239.	Matthews International Malaysia Sdn. Bhd.	Membuat <i>file lithography</i>
240.	Max Coatings Sdn. Bhd.	Pengilangan cat
241.	Maxzo Marketing & Trading PLT	Membuat barangan elektronik & plastik
242.	Megwin Laser (M) Sdn. Bhd.	Membuat acuan
243.	MEP Enviro Technology Sdn. Bhd.	Kilang memproses barang lusuh
244.	MM Packaging Malaysia Sdn. Bhd.	Pencetakan
245.	MMK Spices Sdn. Bhd.	Kilang memproses dan membungkus rempah ratus dan bijian
246.	Nanyang Industry	Membuat barangan plastik dan pvc
247.	New General Metal Center Sdn. Bhd.	Kerja-kerja aluminium dan kejuruteraan
248.	Nippon Steel Stainless Services (M) Sdn. Bhd.	Kilang membuat kerja besi
249.	Nolato (Malaysia) Sdn. Bhd.	Kilang membuat,memasang komponen elektronik, <i>die cut</i> dan <i>plastic injection</i>
250.	Nolek Sdn. Bhd.	Kilang membuat mesin
251.	Norplus Precision Engineering Sdn Bhd	Kejuruteraan mesin
252.	Ooi Soon Huat Industries Sdn. Bhd.	Kilang <i>powder coating</i>
253.	Oshcoatings Sdn. Bhd.	<i>Powder coating</i>
254.	Plasticmate Sdn. Bhd.	Membuat botol plastik.
255.	PMW Food Processing Sdn. Bhd.	Memproses sos kambing perap & pejabat
256.	Poly Dynamic Enterprise	Kilang membuat beg plastik
257.	Poly Dynamic Sdn. Bhd.	Kilang membuat plastik beg

BIL	NAMA SYARIKAT	JENIS PERNIAGAAN
258.	Polydamic Sdn. Bhd.	Membuat sistem <i>scrubber</i>
259.	Polyplas Sdn. Bhd.	Membuat barangan plastik
260.	Power Choice Sdn. Bhd.	Membuat acuan plastik /membuat dan memasang barangan elektronik
261.	PWF Feeds Sdn. Bhd.	Kilang makanan haiwan
262.	Quantum Refinery Sdn. Bhd.	Kitar semula komputer
263.	Reve Technology	Rekabentuk mesin, memasang/mencantum mesin dan servis
264.	Riwajaya Corporation Sdn. Bhd.	Mewarna bahan mentah plastik
265.	Sakura Rubber Sdn. Bhd.	Memproses barangan getah
266.	Sequoia Marketing Sdn. Bhd.	Membuat cat
267.	SFP Technology Sdn. Bhd.	Pengilangan dan pemesinan CNC dan <i>sheet metal</i>
268.	Special Steel & Alliance Sdn. Bhd	Kejuruteraan logam
269.	Sunlight Power Sdn. Bhd.	Pemasangan motosikal
270.	T & L Star Engineering	Kilang kejuruteraan logam & pejabat
271.	Techom Metal Sdn. Bhd.	Kilang memproses barang plastik
272.	Theng Lee Plastic Sdn. Bhd.	Membuat acuan besi
273.	Tian Swee Sdn. Bhd.	Kilang kertas (<i>recycle papers</i>)
274.	TP Inox Sdn. Bhd.	Kilang besi
275.	TS Solartech Sdn. Bhd.	Kilang membuat <i>solar cells</i> dan <i>modules</i>
276.	TWCNC Service	Membuat <i>cnc (computer numerical control)</i>
277.	U-Teknik Trading Sdn. Bhd.	Kilang membuat papan suis
278.	Ummi Technology Sdn. Bhd.	Kilang melebur aluminium
279.	Unicorn Industry (M) Sdn. Bhd.	Kilang plastik
280.	Vigilenz Medical Devices Sdn. Bhd.	Perkilangan
281.	Well Done Rubber Industrial Sdn. Bhd.	Memproses getah kitar semula
282.	Winwa Medical Sdn. Bhd.	Kilang ubat
283.	Xtong Resources Sdn. Bhd	Memproses barangan dan kitar semula plastik
284.	YBO Trading	Kilang membuat belacan
285.	YS Global Industries Sdn. Bhd.	Kilang membuat rak besi
286.	A Shri Lakshya Sdn. Bhd.	Peralatan rumah dan kuil dari kayu
287.	Acro Rubber Industry Sdn. Bhd.	Kilang membuat barang berasaskan getah & silikon
288.	Agco Gsi Asia Sdn. Bhd.	Membuat barangan & alatan <i>poultry</i>
289.	Agricore CS Sdn.Bhd.	Kilang memproses, membungkus kacang, tepung,minyak dan lain-lain makanan mentah
290.	Akidah Maju (M) Sdn. Bhd.	Kilang membungkus minyak masak

LAMPIRAN A

BIL	NAMA SYARIKAT	JENIS PERNIAGAAN
291.	Alpine Equipment & Services Sdn. Bhd.	Kerja-kerja besi
292.	Amasec Airfil Sdn. Bhd.	Memproses barang plastik
293.	Amlex Technology Sdn. Bhd.	Membuat acuan besi
294.	Aquadeal Sdn. Bhd.	Kilang makanan (<i>jelly</i> dan kordel)
295.	Asia Pulp & Fibre (M) Sdn. Bhd.	Memproses kertas pulpa
296.	Asia Veterinary Sdn. Bhd.	Memproses makanan binatang
297.	ASM Materials Resources Sdn. Bhd.	Memproses barang lusuh
298.	ASP Food Industries Sdn. Bhd.	Memproses makanan laut
299.	Avalanche Med Sdn. Bhd.	Peralatan orthopedik
300.	Ban Seng Plastic Industries & Assembly Sdn. Bhd.	Kilang plastik
301.	Billion Yuan Food Industries (M) Sdn. Bhd.	Membuat makanan ringan
302.	Cch Metal Sdn. Bhd.	Memproses barangan plastik, logam dan barang-barang lusuh
303.	Chin Eng Precision Sdn. Bhd.	<i>Sheet metal & machinery</i>
304.	Cht Manufacturing Sdn. Bhd.	Memproses sabun
305.	CLPG Packaging Industries Sdn. Bhd.	Membuat barangan plastik
306.	Comet Biogreen Sdn. Bhd.	Kilang memproses kayu pelet
307.	CSH Hardware (Butterworth) Sdn. Bhd.	Kilang memproses barang logam
308.	Customate Engineering Sdn. Bhd.	Membuat kerja <i>fabrication</i>
309.	Daya Maju Bintang Enterprise	Kilang membuat belacan
310.	Double Grade Non-Woven Industries Sdn. Bhd.	Membuat <i>polypropylene non-woven</i> .
311.	Easy Pack Machinery Sdn. Bhd.	Mebuat mesin pembungkusan
312.	EC Steel (M) Sdn. Bhd.	Membuat barang-barang <i>stainless steel</i>
313.	Ecology Trade Sdn. Bhd.	Memproses skrap plastik (kitar semula)
314.	Ecopanel Industries Sdn. Bhd.	Membuat papan lapis
315.	Engineering Medical Systems Malaysia Sdn. Bhd.	Kilang membuat peranti perubatan
316.	Epsilon Technology (M) Sdn. Bhd.	Kilang membuat peralatan <i>jigs & fixtures</i> dan <i>machinery</i>
317.	Fas Integration (Malaysia) Sdn. Bhd.	Membuat dan memasang mesin

LAMPIRAN A

BIL	NAMA SYARIKAT	JENIS PERNIAGAAN
318.	Fishergold Cold Storage Sdn. Bhd.	Kilang memproses hasil laut
319.	Grand Venture Technology Sdn. Bhd.	Kilang <i>proses assembly</i>
320.	Green Island Feed Mills Sdn. Bhd.	Kilang membuat makanan ikan dan udang
321.	Hanri Lighting Sdn. Bhd.	Membuat lampu led
322.	Hock Leong Engineering Sdn. Bhd.	Kilang kerja-kerja besi
323.	ICCL Distribution Sdn. Bhd.	Memproses makanan mentah
324.	Idealon Enterprise	<i>Industrial services</i>
325.	Inficon Precision Engineering	Kerja-kerja kejuruteraan
326.	Infinic Plastic Technology Sdn. Bhd.	Membuat acuan injeksi plastik
327.	Instant Manufacture Sdn. Bhd.	Kilang kejuruteraan
328.	IRM Industries Sdn. Bhd.	Membuat barang plastik
329.	Jie Yu Metal Sdn. Bhd.	Kilang kitar semula
330.	Juxing Industrial Group Sdn. Bhd.	Pengilangan bahan plastik
331.	JWR Technology (M) Sdn. Bhd.	Kerja kerja besi.
332.	Karisma Mandiri Sdn. Bhd.	Membuat & membentuk aluminium dan <i>steel</i>
333.	Ken Yik Furniture Industry Sdn. Bhd.	Kilang membuat perabut besi
334.	Keymia Solutions Sdn. Bhd.	Mengilang dan membekal bahan kimia dan pencuci
335.	Khis Malaysia Sdn. Bhd.	Membuat peralatan industri
336.	Lam Eng Metal Sdn. Bhd.	Kitarsemula
337.	Le Nam Megasheet (M) Sdn. Bhd.	Kilang membuat bumbung besi
338.	Leeden Hercules Sdn. Bhd.	Memproses gas asetelena
339.	Masmedic Packaging Sdn. Bhd.	<i>Vacuum tray</i> (pembungkusan)
340.	Mep Enviro Technology Sdn. Bhd.	Kilang memproses sisa buangan terjadual
341.	Montpac Corporation Sdn. Bhd.	Kilang memproses getah dan pelapik
342.	Mykuali Paste & Sauce Sdn. Bhd.	Kilang memproses perencah
343.	Nasdeem Ventures Sdn. Bhd.	Kitar semula minyak terpakai
344.	Nippon Lift Industry Sdn. Bhd.	Membuat lif
345.	Nivas Marketing (M) Sdn. Bhd.	Kilang pengisar rempah.
346.	Paramit Malaysia Sdn. Bhd.	Kilang elektronik

LAMPIRAN A

BIL	NAMA SYARIKAT	JENIS PERNIAGAAN
347.	Pen Sufira Enterprise	Memproses rempah
348.	Perniagaan Kopi Utara	Kilang kopi
349.	Pinang Plastic Industries Sdn. Bhd.	Membuat barang plastik
350.	Poo Trading Import & Export Sdn. Bhd.	Membungkus buah-buahan dan hasil pertanian yang lain.
351.	Preference Megacycle Sdn. Bhd.	Kitar semula (<i>e-waste</i>)
352.	Profound Rubber Industries Sdn. Bhd.	Mengilang sarung jari getah.
353.	Rex Canning Co. Sdn. Bhd.	Kilang memproses makanan & minuman dlm tin/kotak
354.	RGT Industries Sdn. Bhd.	Kilang semburan cat
355.	Richport Technology Sdn. Bhd.	<i>Electroplating & cleaning</i>
356.	RRM Mutiara Foods Sdn. Bhd.	Minuman ringan
357.	Safetyware Sdn. Bhd.	Membuat alat perlindungan diri dan kasut keselamatan
358.	Sam Precision (M) Sdn. Bhd.	Kilang membuat struktur kapal terbang
359.	Samwa Precision Sdn. Bhd.	Pembuatan komponen penebat suhu tinggi & pejabat
360.	Seng Enterprise Seafood Supplier (1986) Sdn. Bhd.	Kilang memproses makanan sejuk beku
361.	Shiuh Dong Industries Sdn. Bhd.	Kilang memproses kepingan logam
362.	Shyang Vei Sdn. Bhd.	Jahitan sulaman
363.	Sinar Plastic Technology Sdn. Bhd.	Kilang acuan suntikan plastik
364.	Sophic Automation Sdn. Bhd.	Automasi industri mesin
365.	Spent Industries Sdn. Bhd.	Membuat acuan injeksi plastik
366.	Taipoly Technology Sdn. Bhd.	Membuat <i>copper earth rod</i> (elektroplating)
367.	Thye Sim Timber Co Sdn. Bhd.	Kayu balak
368.	Titan Materials Sdn. Bhd.	Kilang memproses barang-barang plastik
369.	Trio Bangkit Enterprise	Memproses jeruk
370.	UWC Automation Sdn. Bhd.	Membuat alat-alat besi.
371.	V-Nion Food Industries Sdn. Bhd.	Kilang memproses makanan sejuk beku
